

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN
RESTORAN AYAM GEPUK EMBAH**

24 JANUARI 2026 (SABTU)

4.00 PETANG

1-10-1, BLOK 1, PERSINT ALAMI

NO. 2, PERSIARAN AKUATIK

SEKSYEN 13, SHAH ALAM

SELANGOR

Assalamualaikum
wabarakatuh.

warahmatullahi

Salam sejahtera, Salam Malaysia Madani
dan Salam Koperasi.

1. Alhamdulillah dengan izin ALLAH S.W.T. kita semua diberi kesempatan pada petang ini untuk berkumpul bersama – sama bagi meraikan Majlis Perasmian Pembukaan Restoran Ayam Gepuk Embah.
 2. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak pengurusan Restoran Ayam Gepuk Embah atas pembukaan rasmi restoran ini menjanjikan pengalaman kulineri yang menarik kepada semua.
 3. Pembukaan restoran ini semestinya menjadi lambang semangat keusahawanan, inovasi serta peluang pekerjaan kepada generasi muda khususnya dalam sektor perkhidmatan makanan yang semakin kompetitif.
- Hadirin Hadirat Yang Dikasihi.

4. Industri makanan dan minuman (Food & Beverage) merupakan salah satu penyumbang utama kepada sektor perkhidmatan dalam ekonomi Malaysia. Menurut *Quarterly Services Statistics* yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, segmen perkhidmatan makanan dan minuman mencatat pertumbuhan positif dalam perolehan perkhidmatan, menyumbang sebahagian besar daripada keseluruhan aktiviti perniagaan dalam sektor ini.

5. Statistik rasmi juga menunjukkan bahawa pada tahun 2022 terdapat lebih 136,000 premis perkhidmatan makanan & minuman beroperasi di seluruh negara dengan nilai *gross output* sebanyak RM99 bilion. Ini menunjukkan betapa besar dan dinamikanya ruang pasaran dalam industri ini.

6. Sektor F&B juga menyumbang tenaga kerja yang besar kepada

negara, dengan lebih 1.07 juta orang terlibat dalam perkhidmatan makanan dan minuman, menunjukkan satu angka yang menunjukkan implikasi sosial dan ekonomi besar terhadap peluang pekerjaan.

7. Statistik terkini menunjukkan juga bahawa sektor perkhidmatan secara keseluruhan terus berkembang, dengan pertumbuhan pendapatan daripada segmen *Wholesale & Retail Trade, Food & Beverage* dan *Accommodation* terus meningkat.
8. Pertumbuhan ini didorong oleh perubahan gaya hidup masyarakat Malaysia yang semakin gemar makan di luar, meningkatnya pendapatan boleh guna, urbanisasi dan tabiat pengguna yang mengutamakan keselesaan serta pengalaman menikmati makanan berkualiti.

9. Peluang perniagaan dalam industri makanan juga berkembang dengan sangat luas. Dari restoran fizikal, perkhidmatan penghantaran, *cloud kitchen*, sehingga kepada platform pemasaran digital, semuanya merupakan ruang peluang perniagaan yang bernilai tinggi dan berpotensi berkembang di masa hadapan.

10. Justeru, pembukaan Restoran Ayam Gepuk Embah memberi nilai tambah yang besar bukan sahaja kepada sektor perniagaan tempatan tetapi juga kepada komuniti sekitar sebagai pemangkin perkembangan ekonomi setempat.

Hadirin Hadirat Yang Dikasihi

11. Sebagai bukti nyata penerimaan dan keyakinan pelanggan terhadap jenama ini, jika kita melihat penilaian di platform Google Review, Restoran Ayam Gepuk Embah telah

mencatatkan markah setinggi 4.9 bintang. Ini merupakan satu pencapaian yang luar biasa dalam industri makanan yang sangat kompetitif.

12. Lebih membanggakan lagi, majoriti ulasan yang diberikan oleh pelanggan memuji kualiti makanan, layanan mesra, kebersihan premis serta konsistensi rasa yang ditawarkan. Penilaian positif seperti ini jelas menunjukkan bahawa restoran ini bukan sahaja berjaya menarik pelanggan, tetapi juga berjaya mengekalkan standard perkhidmatan yang tinggi dan profesional.

13. Akhir sekali, sekali lagi saya merakamkan ucapan tahniah kepada pihak Restoran Ayam Gepuk Embah atas pembukaan ini. Semoga dengan pembukaan ini ia menjadi pencetus kejayaan berterusan, membuka lebih banyak peluang pekerjaan, serta

menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

14. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini merasmikan Majlis Pembukaan Restoran Ayam Gepuk Embah.

Sekian, terima kasih.